



RASININ merakamkan kenangan bersama yang hadir pada majlis itu.

56 pelatih SUKSIS UMS terlibat program kemasyarakatan

NST 6702/20 4

KENINGAU: Seramai 56 orang pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) terlibat dalam penganjuran Program Masyarakat iaitu Bakti SUKSIS yang bermula dari 2 hingga 4 Februari baru-baru ini, di Kampung Panagatan Ulu, di sini.

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar, Rasinin Kautis berkata, pada program itu pelbagai aktiviti telah dijalankan bersama masyarakat Kampung Panagatan Ulu dan Pusat Anak Yatim Al-Ain, di sini.

"Kesemua aktiviti tersebut bermatlamatkan menerapkan nilai kemasyarakatan dalam kalangan para pelatih Kor SUKSIS UMS supaya ianya sebatu di jiwa masing-masing dan dipraktikkan di dalam kehidupan seharian.

"Saya amat berbangga dan berbesar hati kepada Ketua Kampung Panagatan Ulu Sook dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Keningau kerana sudi bekerjasama dengan para pelatih Kor SUKSIS UMS dalam menjayakan program ini.

"Saya ucapkan tahniah kepada pelatih-pelatih Kor SUKSIS UMS, para jurulatih dan Pegawai Penyelaras Kor SUKSIS UMS dengan komitmen dan dedikasi yang tinggi sehingga program ini dapat dijalankan dengan jayanya sehingga ke hari ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Perasmian dan Penutupan Program Bakti SUKSIS UMS Siri 1/2018, di Dewan Kampung Panagatan Ulu, di sini pada malam Selasa.

Tambahnya, berkenaan Kor SUKSIS UMS ini ianya merupakan sebuah Badan Beruniform Polis bagi Mahasiswa di Universiti masing-masing sebelum digelar sebagai Inspektor Sukarelawan Polis.

Katanya, setiap Inspektor SUKSIS yang telah tamat latihan diberi keutamaan untuk menyertai Pasukan Beruniform Polis Diraja Malaysia selepas mereka bergraduat dari Universiti masing-masing.

"Di antara objektif penubuhan Kor SUKSIS ini adalah untuk melahirkan seorang Pegawai Kor SUKSIS Polis yang berpengetahuan Undang-Undang yang berkaitan, mempunyai sikap serta elemen disiplin kepolisan yang sesuai di antara pasukan polis dengan IPTA.

"Di samping itu, pelatih juga mampu memainkan peranan dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan sebagai seorang pegawai Kor SUKSIS Polis ke arah mewujudkan kesedaran sivik dan hubungan baik polis dengan masyarakat," jelasnya.

Turut hadir Timbalan Ketua, Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (Operasi) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, ACP Yusuh Mat Tais; Timbalan Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (Perancangan Strategik), ACP Saiman Kasran; Timbalan Komandan Kor SUKSIS UMS, Supritenden K/S Prof Medya Dr. Peter Voo; Wakil Ketua Polis Daerah Keningau, ASP Che Rosh Che Embong dan Ketua Kampung Kg Panagatan Ulu Sook, Fuad Dalusim. -Oleh: **RIZALMI LIMAN**